

ya

19 APR 2001

Memorandum-Mahathir

MEMORANDUM PINJAMAN PELAJAR DISERAH KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia (Wawasan) hari ini menyerahkan memorandum berhubung isu pinjaman pelajaran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya Mohd Haswandi Ahmad menyerahkan memorandum itu kepada Perdana Menteri di akhir majlis dialog Kepimpinan dan Pemikiran Belia Afrika di sini hari ini.

Wawasan mempunyai keahlian di sembilan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan di seluruh negara.

Wawasan melalui memorandum itu mahukan kerajaan menambah pemberian biasiswa sekurang-kurangnya 30 peratus kepada pelajar Bumiputera dengan memberi keutamaan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) serta berjaya melanjutkan pelajaran di IPTA.

Mereka juga menuntut supaya kadar kos pentadbiran yang dikenakan terhadap pelajar yang menjadi peminjam dengan PTPTN dikurangkan daripada empat peratus kepada satu peratus.

Wawasan melalui memorandum itu juga mahu supaya PTPTN memperkenalkan sistem pinjaman berlandaskan syariat Islam sebagai pilihan alternatif selain daripada sistem pinjaman konvensional sedia ada.

Ia juga meminta PTPTN mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran serta pengurusanannya meliputi aspek khidmat skim pinjaman pelajar, khidmat pengurusan dana dan skim simpanan pelajar.

Ia adalah bagi memastikan pelajar tidak menghadapi masalah kewangan semasa peringkat pendaftaran di IPTA.

Ketelusan dan penyampaian maklumat yang tepat kepada masyarakat berkaitan pengurusan dana dari pihak PTPTN juga diharapkan oleh Wawasan supaya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan pelajar.

-- BERNAMA

FA DC